50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan



# *Majlis Makan Malam*

**Sempena Ulang Tahun ke-50**

*Universiti Teknologi MARA*

Bersama
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII &
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
dan
YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia

**Sunway Lagoon Resort Hotel**
**Bandar Sunway, Selangor**
**MALAYSIA.**

**9 November 2006**

**8.00 mlm**

50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan

# Majlis Makan Malam

**Sempena Ulang Tahun ke-50**

*Universiti Teknologi MARA*

# *Daulat*

# *Tuanku*



**CANSELOR**

**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII**

**Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail**



Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
Tuanku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid





**Y.A.B Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi**
*Perdana Menteri MALAYSIA*

# *Sebutir* Intan

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada UiTM di atas sambutan ulangtahunnya yang ke-50. Saya percaya, ini merupakan detik yang penting dan penuh bermakna dalam lembaran sejarah UiTM yang tercetus daripada aspirasi para pemimpin terdahulu yang berjuang untuk memartabatkan maruah bangsa. Perjalanannya yang cukup panjang dan tanpa disedari telah menjangkau 50 tahun ini memperlihatkan sumbangannya yang berterusan terutama dalam memenuhi tuntutan Negara dalam pelbagai aspek terutama dalam memperbaiki ketidakseimbangan sosio-ekonomi masyarakat.

Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi untuk Bumiputera yang terulung di dalam negara, UiTM turut memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam menjana pembangunan modal insan. Pada dasarnya, modal insan ini menjadi pengukur kepada nilai ekonomi yang melibatkan kemahiran dan kepakaran sumber manusia. Konsep Modal Insan ini mengakui hakikat bahawa tiada keseimbangan dalam tenaga buruh namun kualiti individu dapat diperbaiki dan dipertingkatkan dengan menjanakan satu bentuk "pelaburan" yang berkesan kepada mereka; iaitu dengan menyediakan ilmu atau pengetahuan yang sebaik-baik dan seluas-luasnya, menyediakan ruang untuk menimba pengalaman serta meningkatkan kebolehan dan kepakaran.

Pembangunan Modal Insan dapat diihat dari dua aspek utama. Pertama, adalah menjadi satu tanggungjawab untuk meningkatkan bilangan pelajar yang berilmu dan berkelayakan, bagi melahirkan para graduan yang berkualiti dan mempunyai kepakaran, berpengetahuan serta dapat memenuhi permintaan pasaran. Kedua, para majikan harus menggunakan pendekatan pembangunan Modal Insan dan menjadi lebih agresif dan aktif serta mampu menerokai pasaran dan pelbagai peluang baru.

Berdasarkan kepada pendekatan Pembangunan Modal Insan ini, UiTM telah membuktikan keupayaannya sebagai pencorak sosio-ekonomi ekoran daripada usaha dan kejayaan membaikpulih ketidakseimbangan yang wujud sejak zaman merdeka. Keupayaan UiTM melahirkan ratusan ribu graduan Bumiputera yang profesional tiada bernoktah, yang mana sebahagian daripada graduan ini kini menjawat jawatan penting dalam pelbagai industri baik di dalam atau di luar negara. Saya amat berbangga dengan pencapaian UiTM yang telah diperlihatkan sepanjang 50 tahun ini.

Di saat kita bersama-sama meraikan ulang tahun UiTM yang ke-50, saya mendoakan agar Universiti Teknologi MARA akan menjadi lebih cemerlang, dinamik dan inovatif serta dapat merealisasikan misinya untuk menjadi Universiti bertaraf dunia pada tahun 2020. Insya'allah.

**DATO' SERI ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI**
**Perdana Menteri Malaysia**



**Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak**
*Timbalan Perdana Menteri MALAYSIA*

# *Seuntai* Madah

**Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Selamat Sejahtera**

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) sempena ulang tahun penubuhannya yang ke-50. Ianya merupakan satu detik yang amat bersejarah bagi satu institusi yang telah banyak berjasa kepada kaum Bumiputera khususnya orang Melayu.

Dalam tempoh tersebut, pelbagai onak dan duri yang terpaksa dihadapi dalam memastikan UiTM menjadi satu institusi yang bukan sahaja menawarkan peluang pendidikan kepada orang Melayu tetapi juga yang melahirkan lebih ramai golongan kelas pertengahan. Kejayaan UiTM dalam hal ini amat terserlah sejajar dengan hasrat kerajaan membentuk masyarakat Melayu yang lebih berjaya dan dapat bersaing dengan kaum lain.

Bermula sebagai Dewan Latehan RIDA yang menawarkan kursus kemahiran, ia telah berkembang dengan pesat dan kini terus menjadi sebuah universiti dengan pencapaian yang cemerlang, menghasilkan graduan bertaraf antarabangsa. Kita amat berbangga dan berbesar hati dengan kejayaan UiTM.

Kerajaan akan sentiasa menyokong usaha UiTM menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan meningkatkan kualiti pendidikan demi kecemerlangan anak bangsa. Semoga UiTM akan terus berjaya dan maju serta menjadi institusi pendidikan yang tersohor di dalam negeri dan antarabangsa.

Sekian, Wassalam.

**DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HJ. ABDUL RAZAK**
**Timbalan Perdana Menteri Malaysia**



**Y.B Dato'  Mustapha Mohamed**
*Menteri Pengajian Tinggi MALAYSIA*

# *Sehampar* Kata

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) sempena Sambutan Ulang Tahunnya yang ke-50. Dalam tempoh setengah abad, UiTM telah muncul sebagai sebuah universiti ulung di negara kita yang begitu banyak berjasa kepada Bumiputera dan menyumbang kepada pembangunan negara dan kemajuan bangsa.

Kebanggaan kita terhadap UiTM melangkau sumbangan baktinya kepada masyarakat Bumiputera dengan menyediakan tempat dan memberi peluang kepada anak bangsa, terutama daripada luar bandar, untuk memperoleh pendidikan tinggi, malah keupayaannya melahirkan graduan yang berkualiti yang mampu meneroka dan mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. UiTM adalah manifestasi kejayaan dasar dan sistem kita. Justeru, kita mesti meneruskan tugas penting menjayakan agenda yang telah ditetapkan dan mencapai semua matlamat yang disasarkan.

Sebagaimana IPTA lain, UiTM juga perlu bersaing bagi mengekalkan statusnya sebagai sebuah universiti perdana dan mempertingkatkan kualiti institusi, pelajar dan pensyarahnya. Kementerian Pengajian Tinggi memberi galakan dan sokongan kepada pentadbiran UiTM bagi memastikan hasrat ini tercapai. Saya sungguh berbangga kerana UiTM adalah satu-satunya universiti di rantau ini yang telah memperoleh akreditasi daripada sebuah badan pensijilan bebas antarabangsa bagi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bagi memastikan ia akan terus mencapai kejayaan cemerlang 50 tahun lagi, UiTM mestilah berupaya melakukan pembaharuan dan inovasi, berdaya saing serta mengekalkan mutu yang tinggi.

Akhir kata, saya mendoakan kejayaan UiTM dan percaya ia akan muncul sebagai antara universiti terbaik di rantau ini. Wassalam.

**DATO' MUSTAPHA MOHAMED**
**Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**



**Y. Bhg Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah**
*Naib Canselor*

## *Setitis* Tinta

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Saya mengalu-alukan kedatangan warga dan sahabat UiTM terutamanya kepada alumni-alumni ke *Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun ke-50 UiTM.*

Saya fikir, 50 tahun yang telah kita lalui berlalu dengan amat baik. Malah UiTM, tidak disangkal, ternobat sebagai sebuah institusi penting yang telah berjaya memainkan peranannya dengan berkesan terutamanya dalam membangunkan modal insan Bumiputera.

Majlis pada hari ini, bukan semata-mata untuk bergembira dan meraikan kejayaan yang telah tercapai sekian lama, lebih penting lagi, UiTM perlu cuba merenung diri dan bersedia membuka perspektif baru perjuangan bagi memastikan 'roh dan semangat' kewujudannya terus relevan, dinamik dan mampu menghadapi persaingan 'masa' yang sentiasa berubah.

UiTM telah menjana ratusan ribu graduan yang telah melalui pelbagai pusingan kehidupan. Nama-nama besar alumni sering disebut-sebut sebagai mereka yang berjaya menjadi peneraju industri. Bagaimanapun, di setiap lorong kejayaan UiTM, bersimpang-siur, kecil dan besar, ramai manusia Bumiputera yang telah mendapat manfaat secara langsung daripada UiTM. Secara diam-diam dan berterusan, UiTM telah melahirkan sebuah generasi yang cukup berbeza.

Pada ketika ini, setelah genap UiTM berusia 50 tahun, marilah kita bersyukur dan menginsafi pengorbanan pemikiran, budi dan jasa begitu ramai pemimpin bangsa yang telah mewajahkan UiTM sebegini rupa. Malah, sokongan dan kepercayaan masyarakat terhadap UiTM terus menghidupkan perasaan perjuangan bangsa yang akan kekal selamanya. Tentu sekali saya bersyukur, bergembira dan berterima kasih kepada semua warga dan sahabat UiTM yang bersama-sama dapat meraikan majlis sambutan ulang tahun ke-50 universiti yang kita kasihi.

Tahniah untuk Universiti Teknologi MARA.

**DATO' SERI PROF. DR. IBRAHIM ABU SHAH**
**Naib Canselor**

# Atur Cara Majlis

| | | |
|---|---|---|
| 7.45 malam | : | Ketibaan Tetamu Jemputan |
| 8.00 malam | : | Ketibaan Dif-Dif Kehormat |
| 8.10 malam | : | Ketibaan Y.B. Menteri-Menteri Kabinet / Timbalan Menteri<br>Y.A.B. Menteri- Menteri Besar / Y.A.B. Ketua-Ketua Menteri |
| 8.15 malam | : | Ketibaan Y.A.Bhg. Toh Puan Hajah Rahah Tan Sri Mohd Noah |
| 8.20 malam | : | Ketibaan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan Isteri |
| 8.25 malam | : | Ketibaan Y.A.B. Perdana Menteri |
| 8.30 malam | : | Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong<br>Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail<br>dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong<br>Tuanku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid |
| 8.40 malam | : | Bacaan Doa |
| 8.45 malam | : | Ucapan Y.Bhg Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah<br>Naib Canselor |
| | : | Ucapan Y.B Dato' Mustapha Mohamed<br>Menteri Pengajian Tinggi |
| | : | Pidato umum Oleh Naib Canselor |
| | : | Tayangan Multimedia Anugerah Khas |
| | : | Penyampaian Anugerah Khas untuk Allahyarham Tun Abdul Razak kepada<br>Y.A.Bhg. Toh Puan Hajah Rahah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,<br>Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail |

| | | |
|---|---|---|
| *9.00 malam* | : | Majlis santapan dimulakan |
| | : | Persembahan Kebudayaan |
| | : | Perutusan Tahniah daripada wakil-wakil Antarabangsa |
| | : | Penyerahan 'Report Card' sebagai simbolik pencapaian UiTM |
| | : | Tayangan Multimedia Sempena Ulang Tahun UiTM ke-50 |
| | : | Ucapan<br>Y.A.B Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi<br>Perdana Menteri Malaysia |
| | : | Penyerahan 'Mock Cheque'<br>Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM |
| | : | Penyerahan Dana untuk Kursi UEM |
| | : | Pelancaran Aspirasi Global UiTM sebagai Universiti Bertaraf Dunia menjelang 2020 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail |
| | : | Penyampaian Cenderahati |
| | : | Keberangkatan balik<br>Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong<br>Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong<br>Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid |

# *UiTM Pada Usia 50 Tahun*

**Syabas dan Tahniah Universiti Teknologi MARA!!**

Bermula dengan penubuhan Dewan Latehan RIDA pada tahun 1956, UiTM kini mempunyai cawangan di setiap negeri dengan bilangan pelajar kira-kira 100, 000 orang. Ini menjadikannya bukan sahaja universiti terbesar di Malaysia, tetapi juga salah sebuah universiti awam terbesar di dunia.

Ditubuhkan dengan tujuan membolehkan kaum Melayu dan Bumiputera bergerak maju dan keluar dari kepompong kehidupan serba kekurangan, UiTM kini menjadi sebuah pusat pendidikan profesional bagi menyediakan peluang golongan Melayu dan Bumiputera ini melangkah lebih jauh lagi.

Pada malam ini, UiTM mengambil kesempatan untuk meraikan kemuncak sambutan ulang tahunnya yang ke-50. Sepanjang tahun 2006 ini, pelbagai aktiviti antaranya konferensi, seminar, acara sukan dan ko-kurikulum di peringkat antarabangsa telah diadakan bagi memperhebatkan sambutan Jubli Emas UiTM. Antaranya ialah Persidangan Dunia 'International Society for Music Education' (ISME), Persidangan dan Ekspo 'International Federation of Training and Development Organisation' (IFTDO), International Sports Fiesta dan lebih kurang 60 acara lain.

Pada malam ini, penghormatan dan penganugerahan diberikan kepada tokoh ternama, iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein sebagai **Tokoh Pembela Bangsa** di atas jasa beliau memartabatkan kedudukan bangsa Melayu dan Bumiputera. Malam ini juga bakal menyaksikan 'reunion' alumni-alumni UiTM dari semua generasi. Dengan kehadiran pembesar negara dan alumni yang menjadi peneraju industri, malam ini akan menjadi malam yang penuh bermakna buat UiTM.

Penaung
Y.Bhg Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Naib Canselor UiTM

***Pengerusi - I***
Y. Bhg Prof. Dr. Hj Nasuddin Othman
Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni

***Pengerusi - II***
Prof. Madya Dr. Azizul Halim Yahya
Penolong Naib Canselor
Jabatan Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa

***Timbalan Pengerusi***
Prof. Madya Hj. Thanthawi Jauhari Hj Ahmad
Ketua, Pusat Kerjaya, Kaunseling & Alumni

***Setiausaha***
Puan Fauzieah Hanim Al-Johari
Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pembangunan Alumni & Perhubungan Pelajar

***Jawatankuasa Protokol, Publisiti dan Seranta & Penerbitan***
Prof. Madya Dr. Azizul Halim Yahya
Prof. Madya Fairoz Hj Salleh
Puan Bosirah Daud
Puan Rizadora Muhamad Arsad
Encik Ghazali Daimin
Encik Darus Kasim
Puan Aizan Ainul Sarah Alwi
Puan Haryati Kamaruddin
Jabatan Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa

AHLI
JAWATANKUASA
MAJLIS MAKAN MALAM
SEMPENA ULANG TAHUN
KE-50 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan

AHLI
JAWATANKUASA
MAJLIS MAKAN MALAM
SEMPENA ULANG TAHUN
KE-50 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan

### *Bendahari*

Tuan Hj Marwan Hj Bakar
Encik Faizol Yeop Muhd Rose
Encik Amirul Hafiz Bakri
Encik Mohamad Khairi Ramli

### *Jawatankuasa Tajaan & Jualan Iklan*

Prof. Madya Dr. Fauziah Noordin

### *Jawatankuasa Penyelaras Jualan Meja (Fakulti / Kampus Cawangan)*

Puan Hjh. Wan Zawiyah Wan Abdullah

### *Jawatankuasa Multimedia*

Prof. Madya Dr. Azizul Halim Yahya
Puan Wan Admiza Wan Hassan
Cik Siti Salbiah Othman
Encik Norhilman Nordin
Puan Che Embun Mustapha
Encik Mohamad Isa Tukimin
Encik Rolpaizal Zali @ Ghazali
Encik Hamnizar Zulkapli
Encik Zaidi Farid Fauzi
Puan Nor Aznira Ramlan
Encik Azhar Mohd Zainal
Encik Abd Rahim Md Yusof
Encik Muhamad Nazry Kamarudin
Encik Mohd Rohaizad Mohd Bakiri
Encik Mohd Hanif Mohd Hanafiah
Encik Umair bin Dzul Bahak
Encik Anuar Bahari

***Jawatankuasa Fotografi***
Encik Azlan Mohamad Amin
Encik Roslan Daud
Encik Mohd Shahrizal Mat Hussin

***"Event Manager"***
Prof. Madya Mohd Najib Mohd Nor

***Jawatankuasa Jamuan***
Prof. Madya Abd. Aziz Abd Majid
Encik Azlan Supardi
Encik Shazali Shariff

***Jawatankuasa Cenderahati***
Y. Bhg Prof. Madya Datin Norela Nuruddin
Prof. Madya Dr. Baharudin Ujang
Puan Bosirah Daud

***Jawatankuasa Jemputan***
Puan Rafidah Yahya
Cik Wahida Ana Sophia Mohd Dain
Puan Sohaini Kamsi
Cik Norhasliani Zakaria
Mohd Luqman Hakim Azme

***Jawatankuasa 'Liason Officer'***
Puan Zaemah Sukaimi

***Jawatankuasa Pengangkutan***
Encik Muhammad Nizam Noordin

AHLI
JAWATANKUASA
MAJLIS MAKAN MALAM
SEMPENA ULANG TAHUN
KE-50 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan

***Jawatankuasa Pameran***
Encik Ahmad Ridzuan Wan Chik

***Jawatankuasa Hiasan***
Encik Azlan Supardi
Encik Shazali Mohd Sharif

***Jawatankuasa Pendaftaran/ Resepsi***
Tuan Hj Ismail Hj Ahmad

***Keselamatan***
Lt. Kol (B) Mohd Razali Samsudin

***Perubatan***
Dr. Zaiton Nasir

***Jawatankuasa Teknikal***
Encik Abdul Halim Mohammad

***Jawatankuasa Persembahan***
Prof. Dr. Hatta Azad Khan

***Sekretariat***
Puan Salina Yusoff
Encik Mohd Faiz Sarin
Tuan Hj Mazlee Hussein
Cik Rosalind Johnny
Encik Mohd Kamil Shokri
Puan Sohaini Kamsi
Encik Rosman Yahya
Puan Rafidah Yahya
Cik Wahida Ana Sophia
Encik Mohd Luqman Hakim Azme
Puan Nor Haidah Abd Rahman
Cik Norhasliani Zakaria

AHLI
JAWATANKUASA
MAJLIS MAKAN MALAM
SEMPENA ULANG TAHUN
KE-50 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan

# *Lagu*

**CITRA 50 TAHUN UiTM**

50 tahun sudah usiamu
Megah namamu dalam sejarah ilmu
Citra cita anak bangsa usaha MARA
Harum mewangi di persada dunia

Telah kita singkap rahsia onak duri
Untuk pertiwi kita sumbangkan bakti
Tegar misi teguh visi makin terbukti
Berkat wawasan peneraju di segani

Mari bersama perkasakan doa dan usaha
Cerminan tekad insan yang bertaqwa
Dengan jati diri bangsa yang termulia
Penuh pesona di puncak jaya

Mari bersama bersatu melakar citra cendekia
Dengan kualiti bertaraf dunia
UiTM ...UiTM ... kebanggaan Negara
Di sepanjang masa

# *Penghargaan*

UiTM dan warganya mengucapkan terima kasih kepada para penyumbang dan penaja:

**UEM GROUP**

**mengucapkan tahniah kepada UiTM
di atas sambutan ulang tahun
yang ke-50.**

EXACMUST

mengucapkan tahniah kepada UiTM
di atas sambutan ulang tahun
yang ke-50.

**Yayasan Budiman UiTM
mengucapkan tahniah kepada UiTM
di atas sambutan ulang tahun
yang ke-50.**

Yayasan Melaka

Berbakti Menuju Kesejahteraan dan Kecemerlangan

**Ketua Menteri**
**&**
**Kerajaan Negeri Melaka (Yayasan Melaka)**
**mengucapkan tahniah kepada UiTM**
**di atas sambutan ulang tahun**
**yang ke-50.**

**Menteri Besar**
**&**
**Kerajaan Negeri Terengganu**
**mengucapkan tahniah kepada UiTM**
**di atas sambutan ulang tahun**
**yang ke-50.**

CIMB GROUP

mengucapkan tahniah kepada UiTM
di atas sambutan ulang tahun
yang ke-50.

TRIplc

Formerly known as U-Wood Resources Sdn Bhd

**mengucapkan tahniah kepada UiTM
di atas sambutan ulang tahun
yang ke-50.**

- UiTM Johor Services
- Lt. (Kol) Dato' Seri Dr. Hj. Abd. Rashid Bin Hj. Mohd Ali
- Menteri Besar & Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
- Menteri Besar & Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
- Tenaga Nasional Berhad
- Datuk Hj. Mohd Khamil Jamil
  *DRB-HICOM Berhad / Alam Flora Sdn. Bhd*
- Permodalan Nasional Berhad
- CISCO Systems (M) Sdn. Bhd

- Y. Bhg Dato' Kamaruddin Maranun
- Y. Bhg Datuk Mohd Abdullah Mohd Mohaidin
- Y.B Datuk Rosli Mat Hassan
- Tuan Haji Kasmuri & Rakan-Rakan
- Optimal Chemical (Malaysia) Sdn.Bhd
- Rillins Sains (M) Sdn.Bhd
- Celcom (Malaysia) Berhad
- UMW Corporation Sdn.Bhd
- Digicity (M) Sdn Bhd
- Sime Darby Berhad
- ACMS Resources
- Tanjung Offshore Bhd
- Utusan Malaysia Berhad
- Chemopharm Sdn. Bhd
- Public Bank Berhad
- Tourism Malaysia
- INTEL (M) Sdn. Bhd
- ACCA Malaysia Sdn.Bhd
- Prima Bumi Sdn. Bhd
- Hewlett-Packard (Malaysia) Sdn Bhd
- Telekom Malaysia Berhad (TM)
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- Nusantara Technology
- Persatuan Alumni Kejuruteraan (EFAA-UiTM)
- Syarikat Md Taha dan Anak-Anak
- Amanahraya-JMF Asset Management Sdn.Bhd
- Prestariang System Sdn.Bhd
- TH Plantations Berhad
- D'SUBHA Multi Industries (M) Sdn. Bhd
- Amanah Saham Malaysia Berhad
- College Medical Science

- Public Bank Berhad
- Bank Islam Malaysia Berhad
- POAT Resources
- Heritage Drinks Industries (M) Sdn. Bhd
- KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd
- MESINIAGA Berhad
- GDP Architects Sdn. Bhd
- Television Airtime Services Sdn. Bhd
- SCAN Associates Berhad
- SHAPADU Corporation Sdn. Bhd
- PENANG Development Corporation
- ASH-HIANI GROUP SDN. BHD
- Persatuan Alumni Perakaunan IPTA

- Tun Musa Hitam
- Dato' Zaid Ibrahim & Co
- S&V Teknik Sdn.Bhd
- SHM-Ismail & Co. Valuers (M) Sdn.Bhd
- Kolej Shah Putra
- AFS Engineering (M) Sdn.Bhd
- Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn.Bhd
- Felda Prodata System
- TRIUS Corporation Sdn.Bhd
- Perusahaan BUMIMAAS
- TEKMARK Sdn.Bhd
- Kolej Polytech MARA
- CSL Manufacturing (M) Sdn. Bhd
- Sarawak Enterprise Corporation Berhad

- Y.B Dato' Rosni Haji Zahari DIMP,AMP
- Y.Bhg Dato' Haji Zainul Azman Dato' Zainul Aziz
- AM Merchant Bank Berhad
- HLA Project Management Sdn. Bhd
- Metro Driving Academy Sdn. Bhd
- Kolej Yayasan Terengganu
- WORLDWIDE Attraction Sdn.Bhd
- Perisai Cekap Sdn. Bhd
- POINTFLEX Sdn.Bhd
- Jurutera Perunding ZAABA Sdn.Bhd
- SNC Associates Sdn.Bhd
- SOLSIS Malaysia Sdn.Bhd
- Medium Design Associate
- Golden Hope Plantation

- Jurutera Bersekutu Abadi
- Klinik Haji Adnan
- Klinik Ting - Sarawak
- Ir Hj. Mohd Saiful b. Mohd Sohod, BJP Consult Sdn. Bhd
- ILHAM Jurutera Sdn. Bhd
- Sole Engineering Sdn. Bhd
- KSK Associates Sdn. Bhd
- Institut Yayasan Bumiputra Pulau Pinang
- Azza Associates Architects
- Camar Kreatif Sdn. Bhd
- Fyzamo Corporation (M) Sdn. Bhd
- YUHA Associates Sdn. Bhd
- Klinik Sihat Kota Kinabalu, Sabah
- Bank Rakyat, Kuala Lumpur

*Maklumat adalah sehingga 01 November 2006*



ISO 9001 : 2000 No Sijil : 404089

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA (JKKPA)
Tingkat 2, Bangunan Canselori, Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
Tel: 603-55442102 Fax: 603-5544 2086

www.uitm.edu.my